

SULIT
3757/2
EKONOMI
ASAS
KERTAS 2
NOVEMBER
2004
2 JAM

3757/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004

TINGKATAN EMPAT

EKONOMI ASAS

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian*
2. *Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian A dan satu soalan bahagian B*
3. *Kertas graf disediakan*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik dibenarkan*

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

[Lihat sebelah
SULIT

Bahagian A

Jawab mana-mana tiga soalan



- 1 (a) Gambar di atas menunjukkan sebuah isi rumah, Puan Helmiyah dan anaknya Maznah. Berdasarkan gambar di atas,
- apakah masalah ekonomi yang dihadapi Puan Helmiyah dan bagaimanakah beliau menyelesaikan masalah tersebut? [5 markah]
 - apakah perbezaan antara beras dengan alat make-up dari sudut ekonomi? [8 markah]
- (b) Bagaimanakah Malaysia menyelesaikan masalah asas ekonomi negara tersebut? [12 markah]

Syarikat kami memerlukan individu yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

Pengawal Kewangan Syarikat

Sarjana Muda Ekonomi (kepujian)

3-5 tahun pengalaman

Gaji : RM4000.00

Kemudahan : Cuti tahunan, rawatan percuma, peluang naik pangkat dan beberapa kemudahan lain

Sila hubungi:

Syarikat Pembinaan Jelani Sdn Bhd.

No 2442, Kawasan Perindustrian Gong Badak,

21300 Kuala Terengganu

Tel: 09-6666774 (Cik Asrima)

2 (a) Berdasarkan situasi di atas:

i. Encik Ruslan bekerja sebagai Eksekutif Pemasaran di sebuah syarikat di Selangor dengan gaji bulanan RM4500. Beliau berkelulusan sarjana muda ekonomi dan berasal dari Terengganu. Beliau berminat untuk memohon pekerjaan di atas. Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan beliau memilih pekerjaan tersebut? [12 markah]

ii. Adakah gaji sebanyak RM4000.00 dianggap sebagai upah benar? [7 markah]

(b) Bagaimanakah individu menggunakan pendapatan boleh gunanya? [6 markah]

Permintaan kereta tempatan telah berubah daripada 201,456-buah dalam tahun 2000 kepada 280,267 buah pada tahun 2002.

3 (a) Berdasarkan pernyataan di atas:

i. hitungkan peratus perubahan permintaan kereta tempatan pada tahun 2002 berbanding 2000. [4 markah]

ii. Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlaku perubahan permintaan tersebut. [12 markah]

Jenis barang	% perubahan harga	% perubahan kuantiti diminta
Barang S	4	6
Barang T	5	5
Barang U	6	4

Jadual 1

(b) Berdasarkan Jadual 1, hitung dan jelaskan keanjalan harga permintaan bagi ketiga-tiga barang tersebut. [9 markah]

Syarikat Perabot Hanif Sdn.Bhd sedang beroperasi dalam jangka pendek dengan menggunakan input- input berikut:

Tapak kilang

Papan lapis

Jentera

Buruh

- 4 (a) Berdasarkan maklumat di atas, tentukan jenis-jenis input yang terlibat. [4 markah]
- (b) Bezakan antara kos tetap dengan kos berubah dalam proses pengeluaran. [8 markah]

Kos pengeluaran Syarikat Indah dalam jangka pendek.

Keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)	Kos purata	Kos sut
0	100		
1	120		
2	138		
3	153		
4	184		
5	215		
6	264		
7	315		

Jadual 2

- c) Jadual 2 di atas menunjukkan kos pengeluaran Syarikat Indah dalam jangka pendek.
- i) Lengkapkan jadual di atas. [7 markah]
- ii) Terangkan hubungan antara tingkat keluaran dengan kos purata dan kos sut. [6 markah]
- 5 a) Dengan menggunakan gambar rajah aliran, lukis dan terangkan aliran fizikal dan aliran wang dalam ekonomi dua sektor. [10 markah]
- b) Jadual di bawah menunjukkan permintaan oleh Asri dan Maznah serta penawaran oleh Syarikat Mawar dan Syarikat Melur dalam pasaran sesuatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)		Kuantiti ditawarkan (unit)	
	Asri	Maznah	Syarikat Mawar	Syarikat Melur
1	5	8	2	1
2	4	6	3	2
3	3	4	4	3
4	2	2	5	4

Berdasarkan jadual di atas :

- i) Hitungkan permintaan pasaran dan penawaran pasaran. [4 markah]
- ii) Lukiskan keluk keseimbangan pasaran. [6 markah]
- iii) Huraikan bagaimana proses keseimbangan pasaran berlaku. [5 markah]

Bahagian B

Encik Azman ialah seorang guru. Gaji bulannya ialah RM2700 dan Elaun Khidmat Awam sebanyak RM170 sebulan. Beliau akan bersara pada bulan Jun tahun hadapan dan dijangka akan menerima ganjaran sebanyak RM100 000. Beliau tidak pasti untuk menggunakan wang ganjaran tersebut.

Encik Azman mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan 6 orang anak. Anak sulungnya bernama Amin. Amin berusia 22 tahun dan berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Beliau sedang mencari pekerjaan. Manakala 5 orang lagi anaknya masih bersekolah. Dalam masa yang sama Encik Azman tidak lagi membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Bersesuaian dengan langkah kerajaan sekarang meminta pembayar cukai membuat taksiran sendiri, Encik Azman juga tidak terkecuali. Pelepasan cukai yang dibenarkan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

Diri sendiri	RM8 000
Isteri	RM3 000
Anak	RM800

Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan ialah:

RM2 500 pertama	0%
RM2 500 berikut	1%
RM5 000 berikut	3%
RM10 000 berikut	5%

Berdasarkan maklumat di atas:

- (a) Cadangkan empat cara bagaimana Encik Azman dapat menggunakan wang ganjaran tersebut untuk meningkatkan pendapatannya. [12 markah]
- (b) Hitungkan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Azman pada tahun tersebut. [7 markah]
- (c) Apakah sektor ekonomi yang sesuai diceburi oleh Amin? [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT